

Menteri Pendidikan Kagum Kemajuan UPM

SERDANG - Lawatan setengah hari Dato' Sri Hj. Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak, Menteri Pendidikan Malaysia pada 4 Ogos 1998 yang lalu agak padat. Beliau telah melancarkan akhbar universiti, **Tribun PUTRA**, menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (*MoU*) antara UPM dengan tiga Syarikat Komputer, SUN Microsystems, Lotus dan AccTrak21. Dato' Sri Najib juga telah merasmikan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan yang ditubuhkan pada 1 Ogos 1996. Pada hari tersebut dua buah buku iaitu **Stock Pricing in Malaysia** (karya Prof. Mohamed Ariff, Prof. Madya Dr. Shamsheer Mohamad dan Prof. Madya Dr. Annuar Md. Nassir), **Kunci Komputer** (karya Prof. Dato' Dr. Zohadie Bardaie dan Dr. Mohamed Daud) dan **Perancangan Strategik** (karya Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Mohamed) telah dilancarkan.




Pengerak utama *Tribun* berdiri megah bersama Menteri Pendidikan



Dato' Sri dan Tan Sri khusyuk berdiskusi



Dato' Sri Najib bersalam dengan pelajar antarabangsa



Dato' Sri Najib tertarik dengan isi kandungan *Tribun PUTRA*